



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
HAL EHWAL PENGGUNA**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT PENGAGIHAN DAN PENGUMPULAN  
(*DISTRIBUTION CENTRE*) FOOD BANK MALAYSIA DENGAN  
KERJASAMA YAYASAN DMDI NEGERI MELAKA**

## **PADA**

**04 OKTOBER 2022 (SELASA)**

## **TEMPAT**

**PUSAT PENGUMPULAN DAN PENGAGIHAN (*DISTRIBUTION  
CENTRE*) FOOD BANK MALAYSIA, JALAN AUTOCITY 2, AUTOCITY  
AYER KEROH, MELAKA**

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

**SALUTASI**

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam  
Yang di-Pertua Negeri Melaka

Yang Berhormat Tuan Ngwe Hee Sem  
EXCO Perpaduan, Penerangan, Sumber Manusia dan Hal Ehwal  
Pengguna

Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan Bin Mohd Ali  
Pengerusi Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam

Yang Berusaha Tuan Haji Zuwairi Bin Japri  
Pengasas Yayasan Al Manjie

Para Penyumbang

serta

Dif – dif kehormat

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Terlebih dahulu ingin saya menyampaikan salam daripada YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato Sri Alexander Nanta Linggi kepada seluruh tetamu jemputan yang hadir pada **Majlis Perasmian Pusat Pengagihan dan Pengumpulan Barang (*Distribution Centre*) Food Bank Malaysia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Yayasan Al-Manjie dan Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Negeri Melaka** pada pagi ini.
2. Seperti yang dimaklumkan kepada saya, YB Menteri memohon maaf tidak dapat hadir bersama-sama pada program perasmian ini kerana beliau perlu menghadiri satu majlis lain.
3. Beliau turut mendoakan agar majlis pada hari ini berjalan dengan lancar dan baik. Sukacita saya meneruskan majlis ini dengan membacakan teks ucapan YB Menteri.

## ALUAN

4. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir ke **Majlis Perasmian Pusat Pengagihan dan Pengumpulan Barang (*Distribution Centre*) Food Bank Malaysia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kerjasama Yayasan Al-Manjie dan Yayasan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) Negeri Melaka** pada hari ini.
5. Program Food Bank Malaysia (PFBM) ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 2018 yang bertujuan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat selain mengurangkan isu pembaziran makanan yang masih boleh dimakan.

Para hadirin sekalian,

6. Mulai 30 Jun 2020, Program ini diperhalusi lagi dengan pelaksanaan model baharu agar mampu memberi impak positif kepada golongan yang memerlukan selain dapat membantu rakan industri dalam menguruskan lebih makanan secara lebih sistematik.

7. Pelaksanaan Model Baharu ini adalah bagi mewujudkan hubungan sinergi yang mampu memberi faedah yang maksima kepada pihak Kementerian sebagai peneraju Program dan NGO serta Syarikat sebagai Rakan Strategik Utama (RSU) Program Food Bank Malaysia.
8. KPDNHEP berpandangan Program Food Bank Malaysia ini akan dapat lebih diperkasakan melalui kerjasama strategik seperti ini memandangkan pelaksanaan Program Food Bank sangat memerlukan jalinan kerjasama, sukarelawan dan tidak mengakibatkan implikasi kewangan yang besar kepada semua pihak terbabit terutama Kerajaan.
9. Oleh yang demikian, majlis pada hari ini bertujuan untuk mengiktiraf peranan serta sumbangan Syarikat–Syarikat yang telah sama-sama menyumbang dari segeri material dan tenaga kerja dalam menjayakan Program Food Bank ini disamping merasmikan Pusat Pengumpulan dan Pengagihan Food Bank Malaysia KPDNHEP cawangan Negeri Melaka.

Para Hadirin Sekalian,

10. Rakan Strategik Utama (RSU) memainkan peranan yang amat penting di dalam pelaksanaan Program Food Bank. Pelantikan RSU ini juga bertujuan untuk:

- i. Mewujudkan perkongsian tenaga kemahiran, kemudahan aset dan logistik diantara KPDNHEP dan RSU yang mana dapat mengoptimumkan penggunaan secara bersama;
- ii. Meningkatkan sumber tenaga sukarelawan di bawah inisiatif PFBM dalam menyokong usaha Kerajaan memupuk semangat dan budaya kesukarelawan dalam kalangan masyarakat;
- iii. Melibatkan penglibatan NGO dan syarikat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam mengendalikan food bank bagi menambah baik keberkesanan PFBM; dan
- iv. Mengoptimumkan sumber sumbangan lebihan makanan melalui perkongsian dan kolaborasi strategik di antara Kementerian dan RSU.

11. Justeru, pihak KPDNHEP sangat berbesar hati untuk bekerjasama dengan Yayasan DMDI serta rakan penyumbang yang lain di mana mereka ini mempunyai pengalaman yang luas dan berkemampuan

untuk bersama-sama mengembangkan Program Food Bank dengan lebih berkesan.

12. Jadi, melalui pelantikan ini, Kementerian amat mengalu-alukan penglibatan para pemain industri peruncitan dan pengedaran serta perhotelan dan katering secara sukarela dan menjadikan Foodbank yang disediakan oleh Kementerian sebagai platform *Corporate Social Responsibility (CSR)*.

Para hadirin sekalian,

13. Pihak Kementerian telah melaksanakan inisiatif baru di bawah PFBM iaitu Pembungkusan Makanan secara teknologi *Retort*. Penggunaan teknologi Retort ini adalah bertujuan untuk menyelamatkan dan meningkatkan jangka hayat lebihan makanan bermasak yang masih baik dan belum disentuh daripada industri perhotelan, katering dan pengeluar produk makanan daripada terus dibazirkan.
14. Sebagai makluman, inisiatif teknologi Makanan Retort ini telah dilaksanakan bersama Rakan Startegik Retort di dua belas (12) penempatan terdiri daripada sektor perhotelan, katering dan pembuat makanan berasaskan pertanian. Ini merupakan

sebahagian usaha dan langkah inovatif pihak Kementerian untuk membantu golongan yang memerlukan.

15. Pihak Kementerian juga berpandangan program Food Bank Malaysia ini boleh dijadikan sebagai platform bagi membentuk semangat dan budaya kesukarelawan di kalangan rakyat Malaysia. Justeru pihak Kementerian mengalu-alukan penglibatan daripada semua pihak termasuklah di kalangan Rakan Strategik Utama untuk bersama - sama dengan Kementerian dalam menggalakkan penglibatan para sukarelawan di dalam program ini.
16. Selain itu, dalam usaha menggalakkan penglibatan lebih ramai penyumbang dalam program ini, Kementerian juga telah memperkenalkan Akta Perlindungan Penderma Makanan 2020 (AKPM2020) yang telah diwartakan pada 13 Mac 2020 yang bertujuan melindungi serta meredakan kebimbangan penderma-penderma, terutamanya pihak industri terhadap risiko tindakan undang - undang sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini sekaligus menggalakkan sumbangan makanan secara sukarela untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan.
17. Sehubungan dengan itu, saya percaya dengan dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian serta diperkukuhkan lagi dengan kerjasama yang erat dengan Rakan



Strategik Utama, Kementerian yakin dapat mencapai objektif Pembaziran Makanan Sifar dan satu hari nanti #ZEROFOODWASTE dapat direalisasikan sebagai budaya hidup rakyat Malaysia.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

18. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yayasan Al-Manjie, Yayasan DMDI dan pihak-pihak yang telah bersetuju untuk membantu menjayakan PFBM bersama-sama dengan pihak KPDNHEP.
19. Saya berharap melalui perlantikan dan kerjasama ini ianya akan memberi lebih nilai tambah kepada pelaksanaan program food bank khususnya dan memberi manfaat kepada rakyat yang memerlukan amnya.

Sekian. Terima kasih.

-Tamat-